

D194

**R B781 BAH
MAHKAMAH - SEMANGAT**

I

KUALA LUMPUR, 5 OKT (BERNAMA) -- TIMBALAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46 DATUK RAIS YATIM DAN EMPAT ORANG LAGI HARI INI MENYAMAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN 11 PIHAK LAGI, DENGAN MENDAKWA PENYELEWENGAN-BERSABIT DENGAN PENJUALAN TIGA SYARIKAT MILIK +UMNO LAMA+ KEPADA RENONG BHD BAGI \$1,230 JUTA.

MEREKA MENDAKWA BAHAWA PENJUALAN FLEET GROUP SDN BHD, HATIBUDI NOMINEES SDN BHD DAN UNITED ENGINEERS BHD DICEMARI DENGAN PENIPUAN DAN TIDAK SAH.

MEREKA MENDAKWA BAHAWA PERDANA MENTERI DAN 11 PIHAK LAGI PADA APRIL LEPAS TELAH BERKOMPLOT DAN MERANCANG BERSAMA DAN MEMULAKAN TRANSAKSI PENTING YANG KESAHIHANNYA DIRAGUKAN, UNTUK MEMPERDAYAKAN DAN MENIPU ATAU MENAFIKAN MEREKA DAN BEKAS ANGGOTA +UMNO LAMA+ HAK MEREKA YANG SAH DI SISI UNDANG-UNDANG TERHADAP HARTA +UMNO LAMA.+

DI SAMPING DATUK RAIS, PLAINTIF LAIN IALAH SETIAUSAHA AGUNG PARTI SEMANGAT 46 DATUK SUHAIMI HAJI KAMARUDDIN, NAIB PRESIDEN MARINA YUSOFF, BENDAHARI DATUK MANAN OTHMAN DAN NAIB PRESIDEN (WANITA) DATUK PADUKA RAHMAH OSMAN.

MEREKA MENDAKWA BAHAWA MEREKA MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ITU DI MAHKAMAH TINGGI DI SINI BAGI PIHAK DIRI MEREKA SENDIRI DAN BAGI PIHAK KIRA-KIRA 600,000 BEKAS ANGGOTA +UMNO LAMA.+ -- LAGI.
2155MST 05 10 90

**U B785 BAH
MAHKAMAH - SEMANGAT 2 KUALA LUMPUR**

YANG TURUT DINAMAKAN SEBAGAI DEFENDAN DI SAMPING DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA, MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN, MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SANUSI JUNID, ENCIK MOHAMED DESA PACHI, ENCIK ABDULLAH MOHAMED YUSOF, ENCIK HALIM SAAD, ENCIK ANUAR OTHMAN, ENCIK ZULKIFLI HUSSAIN, RENONG BHD, PEGAWAI PEMEGANG HARTA DAN FLEET HOLDINGS SDN BHD.

PLAINTIF MENDAKWA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR, ENCIK GHAFAR, DATUK PADUKA DAIM DAN DATUK SERI SANUSI, YANG BERTINDAK MELALUI NOMINEE MEREKA, TELAH SECARA TIDAK SAH MEMINDAHKAN DAN MENGAMBIL ALIH HARTA +UMNO LAMA.+

AKIBATNYA, MEREKA (PLAINTIF) DAN BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA +UMNO LAMA+ YANG LAIN BERADA DALAM KESULITAN, KESUSAHAN, KEGELISAHAN DAN MENANGGUNG KERUGIAN.

MEREKA BERKATA NOMINEE IALAH ENCIK MOHAMED DESA, ENCIK ABDULLAH, ENCIK HALIM DAN ENCIK ANUAR SELAKU PENGARAH-PENGARAH FLEET GROUP DAN ENCIK ZULKIFLI SELAKU PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UNITED ENGINEERS DAN NOMINEE HATIBUDI.

ENCIK HALIM DAN ENCIK ANUAR JUGA IALAH PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UNITED ENGINEERS DAN NOMINEE HATIBUDI. -- BERNAMA
1957MST 05 10 90